



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI 2019

---

Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Hari Deepavali selama satu (1) hari iaitu pada hari berikutnya, adalah diperuntukkan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang beragama Hindu yang mula dilaksanakan pada tahun 2018 sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali. **Pada masa ini, ia adalah terpakai bagi semua Negeri di Malaysia kecuali Sarawak**, memandangkan Hari Deepavali bukan merupakan hari kelepasan am di negeri tersebut.

Sebagaimana dimaklumi, peruntukan cuti adalah terikat kepada hari yang dibenarkan sahaja termasuk Cuti Tanpa Rekod, dan tidak boleh dibawa ke hari berikutnya. **Hanya cuti kelepasan am yang jatuh pada hari kelepasan mingguan dibenarkan untuk dibawa pada hari berikutnya.**

Sehubungan itu, memandangkan **Hari Deepavali pada tahun ini jatuh pada hari Ahad, 27 Oktober 2019** maka **Cuti Tanpa Rekod** selama satu (1) hari kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu adalah pada **hari Isnin, 28 Oktober 2019**.

Dalam hal ini, bagi :

- a. **Negeri-negeri yang hari kelepasan mingguan adalah hari Ahad maka Cuti Tanpa Rekod Hari Deepavali adalah jatuh pada hari Isnin, 28 Oktober 2019** iaitu pada hari yang sama dengan hari kelepasan am yang diganti; dan

- b. Negeri-negeri yang hari kelepasan mingguan adalah hari Jumaat maka Cuti Tanpa Rekod Hari Deepavali adalah jatuh pada hari Isnin (28 Oktober 2019).

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 18 Oktober 2019  
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 ( 57 )